

## **BEKAS KETUA PERANGKAWAN MENINGGAL DUNIA**


# **DOSM hargai jasa Shaari**

**Putrajaya:** Bekas Ketua Perangkawan Datuk Shaari Abdul Rahman, meninggal dunia, kelmarin, dan je-nazah dikebumikan di Tanah Perkuburan Gajah 11, Sungai Buloh, Selangor, semalam.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada kenyataan semalam, berkata, Allahyarham yang juga Ketua Perangkawan keempat menjawat jawatan itu bermula 1995 hingga 2004.

Antara usaha dipelopori Allahyarham ketika berkhidmat di jabatan itu termasuk memperkuuhkan perkhidmatan jabatan melalui pengukuhan peranan DOSM peringkat negeri sebagai barisan hadapan dalam pengumpulan data.

Allahyarham turut memperkenalkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) da-



lam prosesan serta penghantaran data secara dalam talian melalui Protokol Pemindahan Fail (FTP) daripada DOSM negeri ke ibu pejabat.

Pada 2000, di bawah pimpinan Allahyarham, DOSM dianugerahi MS ISO 9002:1994 bagi perkhidmatan berkualiti untuk pengumpulan, pemprosesan, pentafsiran dan penyebaran Indeks Harga Pengguna dan Statistik Harga

Pengguna Lain.

Shaari meneruskan khidmat sebagai penasihat kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkaitan bidang statistik selepas bersara pada 19 September 2004 dan pada masa ini, Allahyarham adalah Ahli Lembaga Pengarah di empat anak syarikat Felcra.

"DOSM sentiasa menge-nang setiap sumbangan dan bakti Allahyarham khususnya memperkuuh-kan sistem statistik dalam membantu negara menyediakan dasar dan perancangan sosioekonomi negara," kata kenyataan itu.

Ketua Perangkawan Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin turut menzahirkan rasa dukacita atas pemer-gian Allahyarham yang memulakan karier sebagai Perangkawan pada 1 Mei 1971. - Bernama